

15/02/2000

Shafei tulis buku tolak tuduhan Pas

KUALA TERENGGANU, Isnin - Bekas Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama negeri, Datuk Shafei Daud sedang menyiapkan sebuah buku bertajuk `Bersifat Fatwa Karut dan Mengelirukan', bagi menolak tuduhan Pas ke atas pemimpin Umno.

Beliau yang juga bekas pengarang Pejabat Menteri Besar Terengganu berkata, buku itu akan diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Khas yang diketuai Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, untuk disemak dan dicetak jika bersesuaian.

"Kajian ini mengandungi pelbagai hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh pemimpin Pas sehingga mengelirukan umat Islam terutama yang berada di kampung dan tidak berpendidikan tinggi agama.

"Walaupun pemimpin Pas sedar banyak hukum dan fatwa dikeluarkan tidak selaras dengan kehendak Islam, tetapi demi kepentingan politik mereka terpaksa berbuat demikian," katanya.

Sebelum ini, Shafei pernah menulis satu buku bertajuk `Siasatul Mudun' yang dikeluarkan oleh Bahagian Penerangan Umno Negeri, ketika Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menjadi Menteri Besar.

Buku itu kata Safei, menonjolkan beberapa perkara yang dilakukan oleh Pas yang dianggap melampau dan tidak mengikut kehendak Islam sebenar.

"Antaranya Pas tidak mengaku mengkafirkan Umno, pemimpin Pas menuduh Dr Mahathir Mohamad menolak hukum hudud dan menghina Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan mengatakan Badawi Malaysia pelihara babi," katanya.

(END)